

MPK cari jalan atasi masalah air

UTUSAN MALAYSIA 21/3/2017

KUANTAN 20 Mac - Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) akan mengambil tindakan sewajarnya dalam tempoh terdekat bagi mengatasi masalah kekurangan air tasik di Taman Gelora di sini berikutan rungutan pengunjung terhadap keadaan berkenaan.

Masalah paras air tasik yang semakin cetek itu dikesan berlaku sejak April tahun lalu ekoran cuaca panas melampau menyebabkan pengunjung mendakwa ia mengundang bau kurang menyenangkan selain merencatkan permandangan di kawasan rekreasi tersebut.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK, Izad Zainal Muhammad Safian (**gambar**) berkata, kos yang tinggi diperlukan untuk memperbaiki pagar yang mengawal air keluar dan masuk di tasik tersebut.

"Jabatan Kejuruteraan dipertanggungjawabkan mengatasi masalah ini selain memikirkan cara terbaik dengan kos yang minimum," katanya selepas melakukan tinjauan bersama Ahli Majlis MPK, Datuk Lee Yong Wei di Taman Gelora



semalam.

Menurut Izad Zainal, pada masa ini pagar berkenaan sudah ada tetapi tidak berada dalam keadaan yang sepatutnya dan perkara berkenaan disedari pihaknya.

"Selain itu, faktor cuaca juga menjadi punca kekurangan paras air di tasik ini," katanya.

Sementara itu, Yong Wei memberitahu, perkara itu akan diusulkan ke dalam mesyuarat MPK akan datang bagi mencari jalan terbaik mengatasinya.